

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 7 JUN 2015 (AHAD)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Lebih 30 gempa susulan di Ranau	Mingguan Malaysia
2.	Malaysia miliki 64 stesen seismik menjelang hujung tahun ini	BERNAMA
3.	Lebih 30 gempa susulan di Ranau	Utusan Malaysia
4.	13 mayat sudah dibawa turun	Berita Harian
5.	Twenty more quake monitoring devices installed nationwide	The Sun
6.	Aftershocks yesterday and war room at KKIA	The Borneo Post
7.	Set up SAR team in Kinabalu Park, says Dr Ewon Ebin	New Straits Times
8.	Muhyiddin forced to evacuate mid-briefing due to quake	Berita Daily
9.	Hospital, police stations among those damaged	The Star
10.	Taklimat gempa bumi Muhyiddin terhenti akibat gegaran	BERNAMA
11.	Gempa: pasukan penyelamat laksanakan tugas dengan cemerlang	BERNAMA
12.	RM10,000 donations for Malaysia families killed on Mt Kinabalu	New Straits Times
13.	More minor tremors recorded in Sabah	New Straits Times
14.	Malaysia to have 64 seismic stations by year end	New Straits Times
15.	Gempa lemah berlaku di Kota Belud	BERNAMA
16.	Gempa bumi lemah berlaku 90km di Barat Laut Labuan	BERNAMA
17.	Empat gempa bumi lemah landa Sabah hingga tengah hari ini	BERNAMA

18.	UTM bakal lancar kod reka bentuk bangunan berciri tahan gegaran gempa bumi	BERNAMA
19.	Jabatan Meteorologi bafi keluar amaran Tsunami da ribut kuat	BERNAMA

Lebih 30 gempa susulan di Ranau

PUTRAJAYA 6 Jun - Sebanyak 32 gempa susulan dengan kekuatan lemah antara 1.6 hingga 4.5 pada skala Richter berlaku di Sabah setakat pukul 2 petang ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, dua gegaran 4.3 pada skala

Richter berlaku semalam manakala satu gegaran 4.5 pada skala Richter dikesan hari ini.

"Dua gempa susulan dengan kekuatan 4.3 berlaku pada pukul 9.12 malam dan 11.13 malam se-



EWON EBIN

malam manakala satu gegaran dengan 4.5 berlaku pada 1.45 petang ini," katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Gempa bumi sederhana kuat iaitu 5.9 pada skala Richter telah mengejutkan Ranau pada 7.15 pagi semalam dan gegaran turut dirasakan di beberapa tem-

pat termasuk Kota Kinabalu.

Ewon yang juga merupakan Ahli Parlimen Ranau berkata, Jabatan Meteorologi telah menubuhkan bilik gerakan di pejabat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinaba-

lu untuk memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat terkini.

"Orang ramai yang mahu mengetahui status gempa-gempa susulan yang berlaku boleh menghubungi 088-413690 dan 088-413691.

"Orang awam juga boleh mendapatkan maklumat berkaitan daripada laman sesawang www.met.gov.my atau m.met.gov.my selain laman Facebook dan Twitter Jabatan Meteorologi," katanya.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi melaporkan, berlaku satu gegaran 3.3 pada skala Richter di Ranau pada pukul 7.57 malam.



Malaysia Miliki 64 Stesen Seismik Menjelang Hujung Tahun Ini

Oleh Balqis Jamaludin

KUALA LUMPUR, 7 Jun (Bernama) -- Sebanyak 44 stesen seismik yang bertindak mengesan gegaran gempa bumi telah dipasang di seluruh negara termasuk lapan di Sabah.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail berkata sebanyak 20 lagi stesen seismik baharu termasuk tujuh di Sabah, akan dipasang di seluruh negara menjelang akhir tahun ini.

"Setakat ini Sabah mempunyai dua stesen seismik 'strong motion' iaitu di Ranau dan Lembah Danum manakala enam stesen seismik 'weak motion' di Sandakan, Kudat, Kota Kinabalu, Sepulut, Tawau dan Lahad Datu," katanya kepada Bernama di sini.

Stesen seismik baharu yang akan dipasang di Sabah ialah stesen seismik 'strong motion' di Keningau, Sandakan, Kota Belud dan Kota Kinabalu; tiga lagi stesen 'weak motion' (Ranau, Semporna dan Lembah Danum).

Pakar Geologi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Prof Madya Dr Tajul Anuar Jamaluddin berkata, stesen seismik yang dipasang pada permukaan bumi mampu mengesan dan mengira magnitud sebarang gegaran akibat gempa bumi di sesuatu kawasan.

Tajul Anuar berkata stesen ini turut mengesan gegaran yang disebabkan oleh gelombang yang telah merambat di dalam kerak bumi.

"Bila satu tempat itu bergegar gelombang tu merambat sampai ke tempat kita, jadi kita terasalah gegarnya, begitulah yang berlaku di Sabah, apabila gempa bumi berlaku di Ranau, kawasan lain seperti Tuaran, Tambunan dan Kota Kinabalu turut merasai gegaran itu," katanya.

Jumaat lepas, gempa bumi sederhana berukuran 5.9 pada skala Richter berlaku di Ranau, dengan pusat gempa terletak 16km di barat laut Ranau, dan gegaran turut dirasai di kebanyakan tempat di Sabah termasuk Tambunan, Tuaran, Kota Kinabalu dan Kota Belud.

Jelasnya stesen seismik juga boleh mengesan lokasi punca atau fokus gempa bumi daripada had laju gelombang yang sampai kepadanya melalui pengesanan sekurang-kurangnya tiga stesen seismik.

Bagaimanapun katanya, setakat ini belum ada alat atau sistem di dunia ini yang dapat meramal berlakunya gempa bumi.



Lebih 30 gempa susulan di Ranau



Ewon Ebin

PUTRAJAYA 6 Jun – Sebanyak 32 gempa susulan dengan kekuatan lemah antara 1.6 hingga 4.5 pada skala Richter berlaku di Sabah setakat pukul 2 petang ini

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin berkata, dua gegaran 4.3 pada skala Richter berlaku semalam manakala satu gegaran 4.5 pada skala Richter dikesan hari ini.

“Dua gempa susulan dengan kekuatan 4.3 berlaku pada pukul 9.12 malam dan 11.13 malam semalam manakala satu gegaran dengan 4.5 berlaku pada 1.45 petang ini,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Gempa bumi sederhana kuat iaitu 5.9 pada skala Richter telah mengejutkan Ranau pada 7.15 pagi semalam dan gegaran turut dirasai di beberapa tempat termasuk Kota Kinabalu.

Ewon yang juga merupakan Ahli Parlimen Ranau berkata, **Jabatan Meteorologi** telah menubuhkan bilik gerakan di pejabat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu untuk memudahkan orang ramai mendapatkan maklumat terkini.

"Orang ramai yang mahu mengetahui status gempa-gempa susulan yang berlaku boleh menghubungi 088-413690 dan 088-413691.

"Orang awam juga boleh mendapatkan maklumat berkaitan daripada laman sesawang **www.met.gov.my** atau **m.met.gov.my** selain laman Facebook dan Twitter Jabatan Meteorologi," katanya.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi melaporkan, berlaku satu gegaran 3.3 pada skala Richter di Ranau pada pukul 7.57 malam.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (NASIONAL) : MUKA SURAT 15
TARIKH: 07 JUN 2015 (AHAD)

13 mayat sudah dibawa turun

Ranau: Seramai 19 daripada 190 orang termasuk 137 pendaki yang berada di puncak Gunung Kinabalu ketika gempa bumi sederhana dengan kekuatan magnitud 5.9 pagi kelmarin, dikenal pasti maut atau masih hilang.

Setakat jam 8 malam tadi, sebanyak 13 mayat sudah dibawa turun termasuk dua mayat yang dikeluarkan malam kelmarin, manakala enam lagi belum ditemui dan operasi mencari masih diteruskan.

Bagaimanapun, hanya dua mayat yang dibawa turun malam kelmarin sudah dikenal pasti identiti mereka iaitu malim gunung warga tempatan, Robbi Sopinggi, 30 dan kanak-kanak perempuan warga Singapura, Wee Yee Ping, 12, manakala selebihnya belum dikenal pasti.

Berdasarkan senarai warga negara masih hilang atau dikenal pasti maut yang dikeluarkan polis semalam, seramai lapan orang adalah rakyat Singapura, diikuti enam warga Malaysia, manakala selebihnya, masing-masing seorang warga China, Filipina dan Jepun.

Semalam, 11 mayat ditemui dengan 10 mayat dibawa turun dari Laban Rata menggunakan helikopter Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) manakala satu mayat dibawa melalui jalan darat dan tiba di Pondok Timpohon, jam 7.20 malam dan jam 8 malam tadi.

Sementara itu, seramai 173 orang termasuk dua mayat dan mereka yang cedera dibawa turun awal pagi semalam dan dihantar ke beberapa hospital untuk rawatan lanjut termasuk Hospital Ranau, Hospital Queen Elizabeth (HQE) dan Hospital Gleneagles Kota Kinabalu.

Gegaran susulan ganggu operasi menyelamat

Beberapa gegaran susulan yang berlaku sejak pagi semalam, melambatkan pergerakan pasukan penyelamat untuk menghampiri lokasi mayat pendaki di Laban Rata, Gunung Kinabalu.

Panglima Task Force 450, Mej Jen Datuk Masrani Paiman, berkata seramai 48 anggota penyelamat mula mendaki gunung itu kira-kira jam 6 pagi.

Beliau berkata, pada jam 1.30 petang semalam, pihaknya menerima maklumat pasukan itu yang terdiri daripada anggota tentera, bomba dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), sudah menghampiri lokasi mayat itu dikumpul.

Di Kota Kinabalu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Ewon Ebin, berkata sebanyak 32 gegaran kecil dilaporkan susulan gempa bumi di Ranau, pagi kelmarin, termasuk yang terbaru pada magnitud 4.5, pada jam 1.45 petang semalam, selama hampir lima saat.

Beliau berkata, dua gempa bumi susulan dengan kekuatan magnitud 4.3 berlaku pada jam 9.12 malam dan pada jam 11.13 malam kelmarin, disusuli gempa terkini dengan kekuatan magnitud 4.5 pada jam 1.45 petang semalam.

Pengarah Meteorologi Sabah, Abdul Malek Tusin, berkata gegaran susulan itu turut dirasakan penduduk di Ranau, Tambunan, Tuaran, Kota Kinabalu, Kota Belud dan pedalaman Sabah.



Twenty more quake monitoring devices installed nationwide

PETALING JAYA: An additional 20 earthquake monitoring devices – including seven more for Sabah – are being installed nationwide, says **Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin.**

"These new devices are expected to be fully operational by the end of this year, bringing the total of such devices in the country to 64," he said in a press statement.

At present, there are 44 such devices in the country, eight of which are in Sabah.

The Meteorological Department, he said, is also developing a map tremors application (Shakesmap) to further enhance the study of seismic information in Malaysia.

Ewon said a "war room", meanwhile, has been set up at the Kota Kinabalu Meteorological Office at the international airport for the public to get information on the recent quake.

In Ranau, Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin said the government was considering setting up an earthquake monitoring centre.

He said such a centre is especially necessary in Sabah which does not have any such facility to track such natural disasters.

"Last Friday's incident was unprecedented and something none of us expected.

"However, it happened and now we have to move forward and take the relevant precautionary steps.

"We need to invest in some research and also come up with standard operating procedures, evacuation systems and also early warnings," he said after visiting several affected areas there today.

He said while the nation has a Geoscience Centre, there is no monitoring centre.

"Perhaps the new centre should have experts both locally and from abroad, such as Japan, to monitor earth movements.

"This would be the first of its kind in Malaysia to study seismic movements. In last week's incident, no warning at all was issued and if it happens again, we do not want to be caught offguard," Muhyiddin said.

He also conveyed his condolences to all the families of the victims.

About 33 schools in the Ranau-Kundasang region were hit by the quake, while the district mosque was also damaged.

"The Ar Rahman Mosque in Ranau Town will be rebuilt at a cost of between RM7 to RM8 million," he said.

Muhyiddin later attended a briefing by Ranau district police chief DSP Farhan Abdullah on the quake, which measured 5.9 on the Richter scale.